

# FMBC MENANG 3 ANUGERAH UTAMA DALAM LIGA KEUSAHAWANAN 2011



Majlis Perwakilan Pelajar serta Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan, UMS. Program ini telah berlangsung pada 3-14 Oktober. Antara objektif utama Liga ini adalah untuk memberi inspirasi kepada pelajar tentang selok-belok dunia perniagaan serta memupuk semangat kerjasama di dalam satu pasukan. Sejumlah 60 peserta dari pelbagai sekolah/jabatan telah menyertai Liga ini, dan para peserta telah diletakkan di dalam 9 kumpulan yang berbeza untuk berentap merebut beberapa gelaran anugerah yang dipertandingkan Kumpulan FMBC Corner yang diwakili pelajar tahun 3 turut tidak ketinggalan menunjukkan kehebatan mereka dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dimana mereka telah dicalonkan dalam 10 Anugerah utama, dan berjaya memenangi 3 Anugerah iaitu **Anugerah Pengiklanan Terbaik, Anugerah Pengarah Syarikat Terbaik** serta **Anugerah Khas Juri**. Wakil kumpulan, Cik Jumatriati berkata pencapaian ini amat bermakna bagi mereka yang telah sama-sama berhempas pulas bekerja dalam satu pasukan serta memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati terhadap produk yang telah dijual. Anugerah ini juga tidak bermakna tanpa adanya sokongan daripada rakan program serta para pensyarah yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan terhadap setiap aktiviti pelajar

**B**agi memantapkan lagi ilmu praktikal dalam bidang perniagaan, Kelab Pengurusan Kewangan dan Perbankan SPE telah mengambil inisiatif dengan mengambil bahagian dalam Liga Keusahawanan anjuran